



**STRICTLY EMBARGOED UNTIL 6AM GMT (7AM BST) THURSDAY SEPTEMBER 22**

Sekolah Amanah dari Malaysia tersenarai sebagai finalis 3 Teratas bagi World's Best School Prizes bernilai \$250,000

- **Sekolah Kebangsaan Kempadang tersenarai 3 finalis World's Best School Prizes bagi kategori Inovasi**

Sebuah Sekolah Amanah Malaysia telah dicalonkan sebagai finalis 3 Teratas bagi World's Best School Prizes yang menawarkan \$250,000 dan dilancarkan pada tahun ini oleh T4 Education dengan kerjasama Yayasan Hasanah, Accenture dan American Express

Sekolah Kebangsaan Kempadang, sebuah sekolah rendah di Kuantan, Malaysia, yang telah mencipta sistem penyelesaian digital sepenuhnya bagi mengesan kemajuan murid, adalah finalis 3 Teratas World's Best School Prizes bagi kategori Inovasi.

Lima kategori World's Best School Prizes – bagi Kolaborasi Komuniti, Tindakan Persekutaran, Inovasi, Menangani Cabaran dan Menyemai Hidup Sihat – meraikan sekolah-sekolah di seluruh dunia bagi peranan penting yang mereka mainkan dalam membangunkan generasi pelajar masa hadapan dan atas sumbangan besar mereka terhadap kemajuan masyarakat, terutamanya dengan kewujudan COVID.

Anugerah ini diasaskan oleh T4 Education dengan kerjasama Accenture, American Express, Yayasan Hasanah, Templeton World Charity Foundation, Lemann Foundation, D2L, Mellby Gård, dan Universidad Camilo José Cela, untuk berkongsi amalan terbaik sekolah-sekolah yang mentransformasikan kehidupan murid mereka dan membawa perubahan sebenar kepada komuniti.

**Dato' Shahira Ahmed Bazari, Pemegang Amanah & Pengarah Urusan Yayasan Hasanah berkata:**

*"Tahniah kepada Sekolah Kebangsaan Kempadang kerana berjaya disenaraikan sebagai finalis 3 Teratas bagi World's Best School Prizes yang pertama kali dianjurkan. Kecemerlangan Sekolah Amanah Malaysia ini akan menjadi inspirasi kepada para pendidik di seluruh dunia. Ia adalah bukti berterusan bahawa, sekolah awam kita juga mampu menjadi antara yang terbaik di dunia."*

*"Kami berbesar hati bekerjasama dengan T4 Education dalam menyokong penganjuran anugerah ini, yang mengiktiraf dan menggalakkan transformasi 'bawah-ke-atas' dan mewujudkan komuniti global yang belajar daripada satu sama lain serta mencipta gelombang impak positif terhadap murid di seluruh dunia".*

**Vikas Pota, Pengasas T4 Education dan Anugerah Sekolah Terbaik Dunia berkata:**

*"Ketika dunia sedang pulih daripada kemasuhanan akibat pandemik COVID, terlalu ramai kanak-kanak yang akan terus tercicir, kecuali kita mengambil tindakan segera untuk pendidikan. Para pemimpin perlu belajar daripada pengetahuan dan pengalaman yang ada di sekolah-sekolah kita kerana mereka, sebagai barisan hadapan dalam bidang pendidikan lebih mengetahui tentang perubahan yang kita perlukan."*

*World's Best School Prizes menampilkkan kepakaran sekolah-sekolah yang memberi inspirasi dari seluruh pelusuk dunia. Sudah tiba masanya kerajaan di seluruh dunia mendengar suara mereka".*

**Nina Adlan Disney, Pengarah Eksekutif LeapEd Services, yang mereka bentuk dan melaksanakan Program Sekolah Amanah di SK Kepadang berkata;**

*"Kejayaan SK Kepadang di peringkat global adalah bukti bahawa transformasi sekolah secara menyeluruh boleh dicapai. Matlamat kami ialah untuk membangunkan kapasiti dan memperkasa sekolah-sekolah untuk menghasilkan sendiri solusi inovatif bagi cabaran yang mereka hadapi secara proaktif. Kami amat berbangga dengan SK Kepadang dan kami berharap agar mereka dilihat sebagai suri teladan hasil usaha kolektif setiap pemegang taruh – kementerian, negeri dan daerah, berkolaborasi dengan pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru, murid-murid, ibu bapa serta komuniti."*

#### **Tentang Sekolah:**

**Sekolah Kebangsaan Kepadang**, sebuah sekolah rendah di Kuantan, Malaysia berhadapan dengan dua cabaran pada tahun 2021. Mereka bukan sahaja perlu meneruskan pengajaran dan mengesan kemajuan murid semasa pandemik, malah keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia memansuhkan ujian penilaian sekolah rendah, UPSR yang digantikan dengan pentaksiran berdasarkan sekolah telah menyebabkan sekolah ini tidak dapat mengakses data sebenar pembelajaran murid yang boleh menentukan rancangan pengajaran untuk menyokong semua murid. Penyelesaian berinovasi sekolah ini adalah SMARTZOOM, satu sistem penyelesaian digital sepenuhnya yang mengesan kemajuan pembelajaran murid.

SMARTZOOM menggunakan input data daripada Google Sheets dan Google Chrome kerana semua guru di Malaysia mempunyai akaun Google khusus yang dihubungkan dengan Kementerian Pendidikan. Dengan menggunakan data ini, kakitangan dapat menyediakan rancangan pengajaran yang mantap dan terperinci, khusus untuk kelas mereka. Guru sokongan dan Ketua Panitia diberikan bahan latihan dalam bentuk video YouTube dan bengkel yang membantu peralihan mereka.

Majoriti populasi murid Sekolah Kebangsaan Kepadang adalah daripada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah di Malaysia. Di sebalik kerentenan murid-muridnya, sekolah ini menyemai kepercayaan yang kuat terhadap keupayaan mereka untuk mendidik murid. Sejak menjadi sebahagian daripada Sekolah Amanah pada tahun 2015, kadar enrolmennya telah meningkat sebanyak 6% atau 7% setiap tahun.

Sekiranya Sekolah Kebangsaan Kempadang memenangi World's Best School Prizes bagi kategori Inovasi, sekolah ini akan menggunakan dana tersebut untuk menambah baik dan memperluaskan kapasiti SMARTZOOM dan berkongsi dengan sekolah lain di seluruh negara. Wang tersebut juga akan digunakan untuk aktiviti kokurikulum sekolah, contohnya untuk menyokong murid menyertai pertandingan robotik kebangsaan.

#### **Langkah Seterusnya:**

Finalis 3 Teratas bagi setiap kategori World's Best School Prizes kini akan memasuki peringkat Undian Awam. Orang ramai diberikan masa sehingga 2 Oktober untuk mengundi pemenang di pautan [worldsbestschool.org/](http://worldsbestschool.org/)

Akademi Juri, yang terdiri daripada pemimpin ulung dari seluruh dunia termasuk ahli akademik, pendidik, Badan Bukan Kerajaan, usahawan sosial, kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta, akan menerima keputusan undian awam dan akan menilai finalis berdasarkan [kriteria](#) yang ketat.

Pemenang akan diumumkan pada 19 Oktober 2022 di [World Education Week](#). Hadiah bernilai US\$250,000 akan dikongsi secara sama rata dengan pemenang bagi kelima-lima kategori Anugerah, dengan setiap pemenang akan menerima US\$50,000.

Semua sekolah yang disenarai pendek bagi lima Anugerah tersebut akan berkongsi amalan terbaik mereka pada World Education Week dan melalui Toolkit Transformasi Sekolah yang akan berkongsi "rahsia" mereka tentang pendekatan inovasi dan menunjukkan langkah terperinci supaya sekolah lain boleh menggunakan kaedah mereka untuk menambah baik pendidikan di seluruh dunia.

-tamat-

#### **TENTANG T4 EDUCATION:**

Kami percaya setiap kanak-kanak di seluruh dunia berhak mendapat pendidikan terbaik. Kami sedang membina komuniti guru dan sekolah terbesar di dunia untuk mencapai matlamat ini. Bersama-sama. Platform media digital kami menyediakan peluang kepada pendidik untuk menjalin rangkaian, berkolaborasi, berkongsi amalan terbaik dan menyokong usaha satu sama lain untuk menambah baik pembelajaran. Kami berusaha untuk memantapkan suara guru kerana dunia yang kami inginkan hanya dapat dibina dengan mendengari suara mereka yang berada dalam bidang pendidikan.

<https://t4.education/>

<https://twitter.com/T4EduC>

<https://www.facebook.com/groups/t4education/>

<https://www.linkedin.com/company/t4education/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Salman Shaheen: [salman@t4.education](mailto:salman@t4.education)

## **TENTANG YAYASAN HASANAH**

Yayasan Hasanah (“Hasanah”) merupakan sebuah yayasan berasaskan impak di bawah Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah lahir sebagai sebuah yayasan penganugerahan geran bebas pada 1 Julai 2015; sebuah kesinambungan kepada usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelumnya dipacu oleh Khazanah untuk sembilan tahun. Sebagai organisasi penganugerahan geran, Hasanah menjangkau lebih daripada wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, berkerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menanamkan semangat advokasi dan membina kemampuan dalam lima bidang tumpuan utamanya: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Kesenian & Ruang Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat menggerakkan anjakan reformasi sosial dan masyarakat untuk rakyat Malaysia, ke arah Malaysia yang lebih baik. Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila layari [www.yayasanhasanah.org](http://www.yayasanhasanah.org).

## **TENTANG SEKOLAH AMANAH**

Program Sekolah Amanah adalah solusi transformasi sekolah secara menyeluruh yang bermatlamat untuk membugarkan budaya sekolah dan mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan kemenjadian murid yang holistik. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan AMIR, dengan LeapEd Services diberi tanggungjawab untuk mereka bentuk, membangunkan dan menyampaikan program kepada sekolah awam di seluruh negara. Ia termasuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan: Pengetua/Guru Besar, Pemimpin Pertengahan, guru, murid-murid, ibu bapa dan komuniti yang lebih besar untuk menambah baik kualiti pendidikan. Fokus program adalah untuk menyesuaikan amalan terbaik antarabangsa kepada sekolah Malaysia berdasarkan konteks tempatan, dengan tumpuan kepada pendekatan berdasarkan data dan berdasarkan evidens serta penekanan terhadap kelestarian dan kebolehskaalan.

Sehingga kini, 94 Sekolah Amanah di 13 buah negeri, mewakili pelbagai komuniti: bandar, luar bandar, B40, Sekolah Cina dan Tamil, Sekolah Agama, Orang Asli dan sekolah berasrama penuh yang berprestasi tinggi. Program Sekolah Amanah telah menunjukkan keputusan yang signifikan dalam semua sasaran bidang impak: termasuk kepimpinan sekolah, peningkatan pengajaran dan pembelajaran serta kemenjadian murid, penglibatan ibu bapa dan komuniti yang lebih baik, serta mempengaruhi reformasi dan perubahan sistemik.

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Susan Tan, 019-5731688, [susan.tan@vantagecomms.com](mailto:susan.tan@vantagecomms.com)*